PERSATUAN LINGUISTIK MALAYSIA
Bahasa Sendi Tamadun Bangsa

www.plm.org.my

JURNAL LINGUISTIK Vol. 22 (2) Disember 2018 (010-019)

Pengaruh Bahasa Ibunda Terhadap Pembinaan Struktur Ayat Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Asing

Norizan binti Che Su
zan@upm.edu.my
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk melihat pengaruh bahasa ibunda (bahasa Thai) terhadap pembinaan struktur ayat bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Thai di Universiti Chulalongkon, Bangkok, Thailand. Kekeliruan sering berlaku apabila pelajar berfikir dalam bahasa ibunda dan menulis dalam bahasa Melayu. Sampel kajian terdiri daripada 33 pelajar iaitu 25 pelajar tahap satu dan lapan pelajar tahap dua yang mengikuti kursus bahasa Melayu sebagai bahasa asing. Pelajar perlu menulis sebuah karangan dalam bahasa Melayu. Hal ini untuk melihat sejauh mana pengaruh bahasa Thai mempengaruhi pelajar dalam pemlihan struktur ayat bahasa Melayu. Analisis kesalahan oleh Corder (1991) digunakan untuk melihat kesalahan penggunaan perkataan dan penyusunan perkataan dalam struktur bahasa Melayu berdasarkan interferensi bahasa ibunda. Hasil kajian menunjukkan bahawa pengaruh bahasa ibunda (bahasa Thai) sangat mempengaruhi pelajar dalam membina struktur ayat bahasa Melayu.

Kata kunci: pengaruh, bahasa ibunda, struktur ayat, bahasa Melayu, bahasa Thai.

The Influence Of Thai Native Language Towards The Construction Of Sentences In Malay As A Foreign Language

Abstract

This study aims to see the influence of the native language (Thai language) towards the construction of Malay sentence structure among Thai students at Chulalongkon University, Bangkok, Thailand. Confusion often occurs when students think in the mother tongue and write in Malay. The sample consisted of 33 students, 25 students level one and eight students from the second level who attended Malay language courses as a foreign language. Students should write an essay in the Malay language to see how the influence of Thai language affects students in the Malay sentence structure. The Error Analysis by Corder (1991) is used to see the mistakes of words and the arrangement of the words in the Malay language structure which is based on native language interference. The results showed that the influence of the native language (Thai language) greatly influenced the students in building Malay sentence structure.

Key words: *influence, native language, sentence structure, Malay language, Thai language.*

Pengenalan

Semua bahasa utama dunia mempunyai sistem tatabahasa tersendiri dan berbeza dari sudut linguistiknya yang berkaitan dengan sistem fonologi, morfologi dan sintaksis. Bahasa Thai tergolong dalam keluarga bahasa Tai, iaitu subkelompok keluarga bahasa Kadai atau Kam-Tai. Manakala bahasa Melayu pula terdiri daripada keluarga bahasa Austronesia (Ensiklopedia Bahasa Utama Dunia, 1998). Perbezaan rumpun keluarga bahasa inilah yang menyebabkan berlakunya perbezaan dalam sistem

tatabahasa kedua-dua bahasa tersebut. Pada tahun 1961 bahasa Melayu telah ditawarkan di Universiti Chulalongkhan, Bangkok, Thailand dan bertitik tolak dari penawaran tersebut kini terdapat pelajar Thailand yang mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa asing.

Sorotan Kajian

Dalam proses pengajaran bahasa kedua atau bahasa asing, bukan lah satu pekara yang mudah untuk menggajar kepada bukan penutur jatinya**.** Pengajar akan menggunakan pelbagai kaedah dan teknik yang sesuai dengan situasi pelajar untuk membantu dalam pembelajaran**.**Semasa seseorang mempelajari bahasa kedua atau bahasa asing, terdapat kesalahan dan kesilapan**.** Kesalahan dan kesilapan ini berpunca daripada kelemahan pelajar dalam menguasai aspek linguistik yang dipelajari, wujudnya perbezaan sistem bahasa antara bahasa pertama dengan bahasa yang dipelajarijuga boleh berlaku disebabkan oleh faktor gangguan dari bahasa ibunda (Juriah, 1994) gangguan bahasa ibunda menjadi penyebab utama timbulnya kesalahan dan kesulitan pembelajaran bahasa asing oleh seseorang pelajar **(**Aini, 2007**).**

Hal yang sama juga dinyatakan oleh Lado (disebut oleh Farid, 1983) bahawa kesilapan yang dilakukan oleh pelajar tentang sesuatu aspek bahasa kedua akibat gangguan pada kebiasaan menggunakan unsur bahasa pertama. Kenyataan Lado, disokong oleh, Farid dan Ajid (1981), Kadir (1981) dan Raminah (1983) yang mengatakan bahawa gangguan bahasa pertama ke atas bahasa kedua sememangnya berlaku dan jumlahnya adalah besar sekali. Justeru, kesalahan yang dilakukan pelajar dianggap sebagai hasil daripada tabiat berterusan bahasa ibundanya terhadap bahasa sasaranya **(**Erdogan, 2005**).**

Menurut Ali Derakhshan dan Elham Karimi (2015) dan Robinet (1978), gangguan daripada bahasa pertama atau bahasa ibunda memainkan peranan yang penting dalam membentuk kemahiran lisan dan tulisan pelajar bahasa kedua. Hasil kajian mendapati pelajar bahasa Thai turut menghadapi masalah daripada segi memahami dan mengenali sistem tatabahasa bahasa Thai. Tambahan pula penyusunan perkataan dalam kedua-dua bahasa adalah berbeza**.** Hal ini terbukti apabila responden didapati salah menggunakan penjodoh bilangan, kata pemeri, kata bantu dan sebagainya. Masalah ini telah menyebabkan pelajar menghadapi kesukaran dalam pembelajaran bahasa kedua. Oleh sebab itu terdapat beberapa kesalahan yang dilakukan oleh pelajar semasa pelajar memperlajari bahasa kedua (bahasa Thai). Pelajar masih terpengaruh dengan struktur bahasa pertama atau bahasa ibunda untuk menghasilkan ayat bahasa Thai **(**Norizan, 2009**)**. Menurut Bhela (1999), jika didapati struktur bahasa kedua dan bahasa pertama adalah jauh berbeza, ini adalah penentu kepada gangguan B1 terhadap B2 dan hal ini menyebabkan terdapatnya kesalahan yang lebih kerap di dalam memperlajari bahasa kedua yang diganggu oleh sistem bahasa pertama (Dechert 1983; Ellis 1997; Bhela 1999; Ali Derakhshan dan Elham Karimi, 2015; Alsaigh dan Kennison, 2017).

Kajian tentang pengaruh bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda ini menimbulkan kesukaran bagi pelajar terutamanya dalam memahami dan menguasai konsep pembentukan dan penstrukturan asas ayat-ayat bahasa Arab. Kajian Rosni Abu Samah (2012) terhadap 200 orang pelajar lepasan sekolah menengah agama di Malaysia yang sedang mengikuti pengajian di Universiti Sains Islam Malaysia mendapati bahawa pelajar kurang berkemampuan untuk membina ayat bahasa Arab dengan menggunakan frasa kerja. Pelajar juga banyak melakukan kesalahan dalam memilih perkataan yang sesuai untuk pelaku bagi kata kerja. Mereka keliru dalam menyusun struktur ayat terutama jika terdapat perkataan yang hampir sama maknanya untuk pelaku. Kekeliruan ini berlaku dalam kalangan pelajar kerana mereka terpengaruh dengan bahasa Melayu yang kurang penggunaan frasa kerja (Mahmud Muhamad Ali & Mikail Ibrahim, 2007). Menurut Hashim (2009), kesalahan kata kerja merupakan antara kesalahan yang ketara dalam pembelajaran bahasa kedua atau bahasa asing. Di samping pengaruh bahasa ibunda, pembelajaran bahasa Arab menjadi lebih rumit apabila pelajar tidak dapat menguasai tatabahasa dalam bahasa Arab dengan baik. Akibatnya, pelajar akan melakukan pelbagai kesalahan bahasa dalam penulisan dan pertuturan (Rosni, 2012).

Norizan Che Su (2009) menyatakan bahawa kesilapan yang dilakukan oleh pelajar yang belajar bahasa Thai sebagai bahasa asing adalah berpunca daripada kelemahan pelajar dalam menguasai

tatabahasa bahasa Thai, manakala pengaruh bahasa Melayu sebagai bahasa pertama telah menimbulkan kekeliruan kepada pelajar untuk menghasilkan ayat yang betul, sekali gus menyebabkan pelajar melakukan kesalahan dalam pembentukan stuktur ayat bahasa Thai. Kesilapan dalam pembentukan stuktur ayat bahasa Thai bukanlah disebabkan pelajar itu tidak cekap atau tidak dapat membentuk stuktur ayat bahasa Thai tetapi adalah berpunca daripada tindakan pelajar melakukan pertukaran dari bahasa Melayu ke bahasa Thai, (Norizan Che Su & Zaitul Azma Zainon Hamzah, 2013).

Permasalahan kajian

Bahasa Melayu yang tergolong dalam rumpun Austronesia atau Melayu–Polinesia, manakala bahasa Thai tergolong dalam rumpun Sino-Tibet telah mengakibatkan berlakunya perbezaan penyusunan perkataan dalam sturktur ayat yang seterusnya menimbulkan kekeliruan kepada pelajar yang mempelajari bahasa Melayu, (Norizan Che Su, 2009). Contoh dalam Jadual 1 menunjukkan perbezaan penyusunan kata bantu dalam stuktur ayat kedua-dua bahasa.

Jadual 1: Perbezaan Penyusunan Kata Bantu dalam Struktur Ayat Bahasa Melayu dan Bahasa Thai

Bahasa	**Struktur ayat**		
Melayu	Saya	sudah	makan
Thai	*chăn*	*kin*	*lɛ́:w*
maksud	Saya	makan	sudah

Kata bantu dalam bahasa Melayu terletak selepas subjek, manakala kata bantu dalam bahasa Thai terletak pada akhir ayat.

Objektif kajian

Secara khususnya objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan membincangkan pengaruh bahasa ibunda (bahasa Thai) dalam pembinaan struktur ayat bahasa Melayu (BM), dalam kalangan pelajar di Universiti Chulalongkron, Bangkok, Thailand.

Metodologi

Kajian ini merupakan satu kajian kuantitatif yang melibatkan seramai 33 orang sampel terdiri daripada pelajar universiti Chulalongkron, Bangkok, Thailand pelbagai jurusan yang mengambil kursus bahasa Melayu sebagai bahasa asing. Sampel kajian terdiri daripada pelajar tahap satu seramai 25 orang (iaitu 8 orang lelaki dan 17 orang perempuan) dan tahap dua seramai 8 orang (iaitu 3 orang lelaki dan 5 orang perempuan). Kesemua sampel kajian adalah berbangsa Thai dan bahasa pertama mereka ialah bahasa Thai. Oleh sebab itu tahap pengguasaan bahasa Thai pelajar ini adalah tinggi.

Kajian ini menggnakan instrumen penulisan karangan (20 ayat) tentang “Keluarga saya” bagi tahap satu, manakala tahap dua berkaitan tajuk “Kawan baik saya” (30 ayat). Data dianalisis berlandaskan Analisis kesalahan oleh Corder (1991), yang melihat kesalahan penggunaan perkataan dan penyusunan perkataan dalam struktur bahasa Melayu yang berdasalkan interferensi bahasa ibunda.

Berdasarkan Analisis Kesalahan oleh Corder (1991), kajian ini akan memfokuskan kepada dua objektif iaitu mengenal pasti pengaruh bahasa Ibunda (Thai) dalam penulisan bahasa Melayu, serta membincangkan kesalahan yang wujud dalam penulisan ayat bahasa Melayu disebabkan pengaruh bahasa ibunda tersebut.

Analisis dan Perbincangan

Berdasarkan kajian dijalankan, pengkajia telah mengenal pasti penyusunan perkataan dan pemilihan perkataan yang digunakan oleh pelajar semasa menulis karangan dalam bahasa Melayu seperti berikut:

1. **Penyusunan perkataan dalam ayat bahasa Melayu**
   a) **Penyusunan konstituen predikat (frasa nama)**

Dapatan data menunjukkan bahawa sampel 1 dan 22 menunjukkan terdapatnya pengaruh bahasa ibunda (bahasa Thai) dalam penulisan ayat bahasa Melayu. Hal ini disebabkan penyusunan predikat yang merujuk frasa nama (Chulalongkorn Universiti) adalah mengikut kebiasaan sampel. Jadual 2 di bawah menunjukkan kesalahan penyusunana konstituen predikat (frasa nama) dalam bahasa Melayu dan penyusunana konstituen predikat (frasa nama) dalam bahasa Melayu yang betul.

Jadual 2: Penyusunan Konstituen Predikat (frasa nama)

Sampel	Ayat BM yang sampel bina	Ayat BM yang betul
Sampel 1	Saya belajar di Chulalongkorn Universiti	Saya belajar di Universiti Chulalongkorn
Sampel 22	kakak saya belajar tamat dari Mahidol Universiti	kakak saya tamat belajar dari Universiti Mahidol

Penyusunan konstituen predikat (frasa nama) dalam bahasa Thai dan bahasa Melayu adalah sama, terdapat kesalahan dalam kajian disebabkan sampel kajian di Universiti Chulalongkorn sudah biasakan dengan pangilan Chulalongkorn Universiti (hal ini berlaku hanya di universiti Chulalongkorn sahaja)

b) **Penyusunan Frasa Nama (perkataan 'nama')**

Seterusnya dalam Jadual 3 menunjukkan penyusunan frasa nama yang mengguna perkataan 'nama' dalam ayat bahasa Melayu yang dilakukan oleh beberapa sampel seperti berikut:

Jadual 3: Penyusunan Frasa Nama (perkataan 'nama')

Sampel	Ayat BM yang sampel bina				Ayat BM yang betul
Sampel 5	ayah พ่อ	saya ฉัน	nama ชื่อ	Ming มิ่ง	Nama ayah saya ialah Ming
Sampel 15	แม่ ibu	ฉัน saya	ชื่อ nama	วรรณเพ็ญ Wanphen	Nama ibu saya ialah Wanphen

Merujuk kepada susunan frasa nama dalam struktur ayat bahasa Thai, perkataan 'nama' terletak selepas subjek (ayah saya / ibu saya). Manakala susunan frasa nama dalam struktur ayat bahasa Melayu perkataan 'nama' berada di hadapan subjek (nama ayah saya / nama ibu saya). Keadaan ini disebabkan struktur ayat bahasa Thai dan bahasa Melayu berbeza. Perbezaan sebeginilah yang menyebabkan para pelajar Thai membuat kesilapan dalam penulisan ayat bahasa Melayu kerana pengaruh bahasa ibunda iaitu bahasa Thai yang mempengaruhi corak pemikiran pelajar ini.

c.) Penyusunan Kata Penguat

Daripada sampel 12 dan sampel 20 penyusunan kata penguat 'sangat' diletakkan pada akhir ayat megikut struktur ayat bahasa bahasa Thai, dalam Jadual 4 menunjukkan penyusunan kata penguat 'sangat' seperti berikut :

Jadual 4: Penyusunan Kata Penguat 'sangat'

Sampel	Ayat BM yang sampel bina
Sampel 12	Saya suka keluarga saya **sangat**
Sampel 20	Emak saya cantik **sangat**

Dalam struktur ayat bahasa Thai kata penguat mesti diletakkan pada akhir ayat, Walau bagaimanpuan kata penguat bebas 'sangat' dalam struktur ayat bahasa Melayu mesti diletakkan selepas subjek disebabkan fungsinya bertujuan untuk menguatkan maksud yang terkandung dalam kata atau frasa adjektif (Nik Safiah Karim, 2014). Berdasarkan ayat dalam Jadual 5, struktur tatabahasa yang betul dalam bahasa Melayu adalah seperti di bawah.

Jadual 5: Kedudukan Kata Penguat Bebas 'Sangat' Dalam Bahasa Melayu dan bahasa Thai

Ayat	Struktur Ayat
BM:	Saya **sangat** sayang keluarga saya.
BT:	Saya suka keluarga saya **sangat**
BM:	Emak saya **sangat** cantik.
BT:	Emak saya cantik **sangat**

d.) Penyusunan Objek

Seterusnya penyusunan objek, berlaku kesilapan penyusunan dalam ayat bahasa Melayu. Hal ini membuktikan bahawa sampel kajian terpengaruh dengan bahasa ibunda iaitu bahasa Thai. Contoh ayat dalam Jadual 6 menunjukkan sampel membina ayat bahasa Melayu tetapi penyusunan objek mengikut struktur ayat bahasa Thai seperti berikut.

Jadual 6: Penyusunan Objek

Sampel		Struktur Ayat Bahasa Thai				
		S	V	O kategori)orang/benda(	bilangan	penjodoh bilangan
Sampel 3		keluarga saya	ada	ahli keluarga	empat	orang
Sampel 12		kita	memelihara	anjing	se	ekor

Berdasarkan struktur ayat dalam bahasa Thai, objek diletak selepas kata kerja kerana struktur bahasa Thai terdiri daripada subjek - kata kerja - objek. Namun jika dibandingkan ayat tersebut mengikut tatabahasa bahasa Melayu, struktur tersebut adalah salah disebabkan sampel kajian melakukan kesilapan secara sistematik kerana tidak dapat menguasai sepenuhnya sistem tatabahasa dalam bahasa Melayu. Jadual 7 berikut menerangkan susunan ayat yang betul dalam bahasa Melayu.

Jadual 7: Struktur Ayat Bahasa Melayu dan Bahasa Thai

Ayat		Struktur Ayat
BM: BT:		Saya mempunyai empat orang ahli keluarga. Keluarga saya ada ahli keluarga empat orang.
BM: BT:		Kami memelihara seekor anjing. Kita memelihara anjing seekor.

Penggunaan kata bilangan ’empat’ dan ’se’ dalam bahasa Melayu hadir selepas kata kerja kerana fungsinya untuk membuat keterangan kepada objek di dalam ayat. Manakala kata bilangan dalam bahasa Thai diletakkan dihujung ayat bertujuan untuk membuat penekanan kepada objek yang dirujuk.

Jadual 8: Formula Perbezaan Konstituen Frasa Nama (Inti + Penerang Penentu) Bahasa Melayu dan Bahasa Thai

Ayat	Struktur Ayat				
BM:	S	V	bilangan	penjodoh bilangan	kategori (orang/benda)
BT:	S	V	kategori (orang/benda)	bilangan	penjodoh bilangan

2. **Pemindahan perkataan bahasa Thai ke bahasa Melayu**

a.) Perkataan ‘bako’

Perkataan ‘bako’ merujuk kepada bahasa Melayu Pattani yang bermaksud ‘keturunan’. Struktur ayat untuk memperkenalkan nama dalam bahasa Thai selepas nama orang akan ada perkatan ‘namsakun’ yang bermaksud ‘keturunan’. Oleh yang demikian pelajar Thailand cenderung untuk memindahkan perkataan ‘นามสกุล’ /na:m sakun/ mengatikan dengan perkataan ‘bako’ disebabkan pengaruh struktur ayat bahasa Thai. Jadual 9 berikut menunjukkan cara penulisan ayat memindah perkataan ‘bako’ ke dalam ayat bahasa Melayu.

Jadual 9: Pemindahan Perkataan ‘bako’ Dalam Bahasa Melayu

Sampel	Ayat BM yang sampel bina
Sampel 8	Saya bernama Thanyarat bako Lerdhirunwang ฉัน ชื่อ ธันญารัตร์ นามสกุล เลิศหิรัญวงศ์
Sampel 10	Saya bernama Wipawee bako Treerattanapun
Sampel 20	Ayah saya bernama Passakorn bako Panyayingyong

Manakala dalam Jadual 10 pula menerangkan susunan ayat yang betul dalam bahasa Melayu

Jadual 10: Penyusunan Perkataan Dalam Ayat Bahasa Melayu Yang Betul

Sampel	Struktur Ayat Bahasa Melayu
Sampel 8	Nama saya Thanyarat Lerdhirunwang
Sampel 10	Nama saya Wipawee Treerattanapun
Sampel 20	Nama ayah saya ialah Passakorn Panyayingyong

b.) **Menggunakan kata dasar dalam ayat bahasa Melayu**

Sistem tatabahasa bahasa Thai tidak memerlukan proses imbuhan dalam membentuk perkataan. Hal ini menjelaskan bahawa dalam bahasa Thai, penutur bebas menggunakan kata dasar apabila ingin membina ayat. Keadaan ini tidak berlaku di dalam bahasa Melayu kerana fungsi imbuhan dalam bahasa Melayu adalah bertujuan untuk mempelbagaikan makna sesuatu perkataan. Berdasarkan kata dasar 'dekat',' nyanyi' dan 'baca' sampel telah membina ayat dalam bahasa Thai seperti di dalam Jadual 11.

Jadual 11: Penggunaan kata dasar

Sampel	Ayat BM yang sampel bina	Ayat BM yang betul
Sampel 1	Saya tinggal asrama, dekat Universiti	Saya tinggal di asrama berdekatan dengan universiti
Sampel 3	Kita suka nyanyi bersama di Rumah kita setiap hari sabtu	Kami suka menyayi bersama di rumah pada setiap hari sabtu
Sampel 15	Pada masa lapang ayah suka baca buku Buku itu ialah magazine	Pada masa lapang ayah saya suka membaca buku iaitu buku majalah

Berdasarkan sampel 1, sampel 3, dan sampel 15, pelajar Thailand mengguna kata dasar perkataan 'dekat', 'nyanyi', dan perktaan 'baca' untuk menbina ayat bahasa Melayu, oleh sebab dalam bahasa Thai tidak perlu ada imbuhan, sedangkan dalam bahasa Melayu perkataan tersebut perlu ada imbuhan.

c.) **Mengguna kata ganti nama diri pertama**

Kata ganti nama diri pertama dalam bahasa Melayu dan bahasa Thai adalah berbeza kerana rujukan kata ganti diri dalam bahasa Thai jelas menunjukkan jantinanya, tetapi dalam bahasa Melayu rujukan kata ganti diri pertama bersifat umum tanpa mengetahui jantinanya. Jadual 12 berikut memperlihatkan perbezaan rujukan kata ganti diri pertama.

Jadual 12: Rujukan Kata Ganti Diri Pertama

Kata ganti nama diri pertama	
BM	**BT**
	กระผม /krà phŏm/, ผม /phŏm/ *saya (penutur lelaki)*

saya	ดิฉัน /dì chăn/, ฉัน /chăn/ *saya (penutur perempuan)*
	หนู /nŭ:/ *saya (penutur lelaki atau perempuan, semasa bercakap dengan orang yang lebih dewasa)*
kami, kita	เรา **/raw/**

Berlaku sedikit kekeliruan dari segi penggunaan rujukan 'kami' atau 'kita' dalam bahasa Melayu disebabkan kedua-dua kata ganti tersebut bersifat jamak lebih dari seorang. Kesilapan penggunaan rujukan kami / kita dapat dilihat dalam ayat pada sampel 12 sampel 24 dan sampel 26 apabila menggunakan rujukan kata ganti nama diri pertama 'raw' (เรา) dengan perkataan 'kita' dalam ayat bahasa Melayu. Kesilapan ini disebabkan pelajar Thailand masih tidak boleh membezakan di antara perkataan 'kami' dan 'kita', dalam Jadual 13 menunjukkan penggunaan kata ganti diri 'kita' oleh beberapa sampel seperti berikut:

Jadual 13: Penggunaan Kata Ganti Diri 'kita'

Sampel	Ayat BM yang sampel bina	Ayat BM yang betul
Sampel 1	kita suka duduk di depan rumah	Kami suka duduk di hadapan rumah
Sampel 24	Kita suka nyanyi bersama di Rumah kita setiap hari sabtu	Kami suka menyayi bersama di rumah pada setiap hari sabtu
Sampel 26	Kita tinggal di Pathumthani, Thailand	Kami tinggal di Pathumthani, Thailand

Terdapat sedikit perbezan makna dalam bahasa Melayu bagi rujukan kata ganti diri 'kita' dan 'kami' kerana 'kita' merujuk kepada 'diri orang yang bercakap serta sekalian yang hadir (mendengarnya), saya dan kamu semua. Manakala 'kami' pula merujuk kepada 'saya dan rakan-rakan saya semua' (Kamus Dewan, 2007).

d.) **Menyatakan hak atau kepunyaan**

Dalam struktur ayat bahasa Thai mesti menyatakan hak atau kepunyaan seseorang bagi tujuan menjelaskan pemilikan seseorang itu. Tetapi dalam struktur ayat bahasa Melayu fungsi hak atau kepunyaan tidak perlu dijelaskan seperti di dalam Jadual 14 menunjukkan ayat bahasa Melayu yang menyatakan kepunyaan oleh sampel dan ayat bahasa Melayu yang betul strukturnya.

Jadual 14: Menyatakan Hak Dan Kepunyaan

Sampel	Ayat BM yang sampel bina	Ayat BM yang betul
Sampel 1	Kami tinggal di rumah saya, wilayah Ayutthaya	Kami tinggal di wilayah Ayutthaya
Sampel 2	Rumah kita dekat dengan pasar dan sekolah saya	Rumah kami berdekatan dengan pasar dan sekolah.

Daripada sampel 1 dan sampel 2 di atas dapat dilihat dengan jelas ayat yang dibina oleh sampel masih menyatakan hak iaitu 'rumah saya' dan 'sekolah saya' walaupun semasa membina ayat dalam bahasa Melayu keadaan ini jelas membuktikan pengaruh bahasa Thai sangat dominan dalam pemikiran pelajar sehinggakan wujudnya kesilapan sedemikian.

e.) **Menyusun perkataan 'ibu' dan 'bapa'**

Jika ingin menyebut atau menulis perkataan berkaitan dengan 'ibu' dan 'bapa' atau perkataan 'ibu bapa' dalam bahasa Thai, perkataan tersebut perlu bermula dengan perkataan 'bapa' iaitu /phɔ̂:/ พ่อ dan 'ibu' /mê:/ แม่ atau พ่อแม่ /phɔ̂://mê:/ iaitu 'bapa ibu'. Perbezaan struktur tatabahasa sebeginilah yang menyebabkan wujudnya kesilapan dalam pembinaan ayat bahasa Melayu kerana pelajar masih lagi terikat dengan sistem tatabahasa bahasa ibundaya. Keadaan ini menjelaskan sejauh mana tahap pelajar tersebut menguasai bahasa Melayu.

Jadual 15: Penggunaan Perkataan 'ibu dan 'bapa'

Sampel	Ayat BM yang sampel bina	Ayat BM yang betul
Sampel 6	Kami dua tinggal jauh sangat dari Ayah dan Emak	Kami berdua tinggal berjauhan dari ibu dan bapa.
Sampel 12	Keluarga saya ada bapak,ibu dan saya	Keluarga saya terdiri daripada ibu, bapa dan saya
Sampel 12	Ayah dan emak suka bersenam benar	Ibu dan bapa sangat suka bersenam

Rumusan

Dapatan kajian ini menunjukkan terdapatnya pengaruh bahasa ibunda (bahasa Thai) dalam penulisan ayat bahasa Melayu. Hal ini disebabkan penyusunan predikat yang merujuk frasa nama (Chulalongkorn Universiti) adalah mengikut kebiasaan sampel, dari segi Frasa Nama (perkataan 'nama'), Kata Penguat 'sangat', penyusunan objek disebabkan pengaruh bahasa ibunda (bahasa Thai) dan pemilihan perkataan yang digunakan oleh pelajar Thailand semasa menulis karangan dalam bahasa Melayu. Selain itu kesalahan lain yang ditunjukkan adalah dengan membuat pemindahan perkataan dari bahasa Thai ke bahasa Melayu dalam menyampaikan mesej melalui penulisan ayat.

Kesimpulan

Hasil daripada perbincangan yang telah dicangdankan diharapkan kajian ini dapat membantu pengajar bahasa asing memilih dan menggunakan strategi serta kaedah pengajaran yang bersesuaian agar proses pembelajaran bahasa asing dapat disampaikan dengan berkesan. Hasil analisis kesalahan dalam kajian ini dapat menjelaskan dengan lebih jelas lagi struktur ayat dalam kedua-dua bahasa, iaitu bahasa Melayu dan bahasa Thai. Keadaan ini akan dapat membantu kaedah pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih efektif melalui penerapan kaedah, teknik dan bahan pembelajaran yang betul. Kajian ini membuktikan bahawa terdapat pengaruh bahasa ibunda (bahasa Thai) terhadap pembinaan struktur ayat dan penggunaan perkataan dalam bahasa Melayu. Perbezaan yang terdapat dalam struktur ayat bahasa Melayu dan bahasa Thai ini menyebabkan pelajar Thailand terdedah untuk melakukan kesilapan yang sama secara berulangan kerana bahasa ibunda iaitu bahasa Thai lebih mendominasi corak pemikiran mereka.

Rujukan

Aini Karim. (2007). *Analisis Kontrastif dan Analisis Kesalahan Bahasa:* Antara Hipotesis dan Realiti. Prosiding Seminar Tahunan Jabatan Bahasa Melayu dan Linguistik SETALING, 2,212-225.

Ali Derakhshan & Elham Karimi (2015). The Interference of First Language and Second Language Acquisition. *Theory and Practice in Language Studies*, Vol. 5, No. 10, pp. 2112-2117

Alsaigh, T. & Kennison, S. M. (2017). Second Language Interference during First Language Processing by Arabic–English Bilinguals. Front. Psychology. https://doi.org/10.3389/fpsyg.2017.01956

Awang Sariyan. (1988). *Pengaruh Sintaksis Bahasa Inggeris Dalam Bahasa Dengan Gujukan Khusus Laras Bahasa Ilmiah*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.

Ab. Razak Ab. Karim et al. (2011). *Tahap Penguasaan Bahasa Melayu Pelajar di Islamic Santitham Foundation School (ISFS)*. Jurnal Pengajian Melayu, Jilid 22.

Corder, S.P. (1982). Error Analysis and Interlanguage. UK: Oxford University Press.

Dewan bahasa dan Pustaka. (1998). *Ensiklopedia Bahasa Utama Dunia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Dewan bahasa dan Pustaka. (2007). Kamus Dewan Edisi Keempat, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Erdogan,V. (2005), Contribution Of Error Analysis To Foreign Languge Teaching, Mersin UniversityJournal Of The Faculty Of Education, 1(2) ,261-270.

Hashim Mat Zain (2009), Penguasaan Kata Kerja Bahasa Arab Dikalangan Pelajar Sekolah Menengah, Satu Kajian Kes. Tesis Sarjana, UM. Kuala Lumpur.

Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa & Abdul Hamid Mahmood(2014). Tatabahasa Dewan, Edisi Ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mahmud Muhamad Ali & Mikail Ibrahim. (2007) *Tahlil Akhta' Lughawiyyah Lada Tullab Wa Talibat Jamiah Ulum Islamiyyah (USIM).*Prosiding Seminar Islamiyyah Lughah Wa Adab Fi Bina Hadhari Li Ummah Islamiyyah. Universiti Islam Antarabangsa, Hlm 359-376

Norizan Che Su. (2009). *Analisis Kontrastif Sintaksis Bahasa Melayu dan Bahasa Thai.* Tesis Doktor Falsafah, Serdang: Universiti Putra Malaysia.

Norizan Che Su, Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2013). *Penguasaan Kosa Kata dan Kemampuan Membina Ayat Bahasa Thai*: Jurnal Linguistik Vol.17(1) Jun. 2013 (29-38)

Rosni Samah. (2012). *PembinaanAyat Bahasa Arab Dalam Kalangan Lepasan Sekolah Menengah Agama*, GEMA Online™ Journal Of Language Studies, Volume 12(2), May 2012.

S. Vijayalechumy, et al**.** (2011). *Pengaruh Bahasa Ibunda dalam Bahan Terjemahan Bahasa Inggeris*: Jurnal Linguistik Vol.13 Jun. 2011